

Polisi Kesihatan & Keselamatan, Alam Sekitar, Tenaga dan Kualiti Semperit




Health



Safety



Environment



Energy



Quality

Semperit AG Holding adalah sebuah kumpulan berorientasikan antarabangsa yang membina, menghasilkan, dan menjual produk berpenghasilan tinggi untuk sektor perubatan dan perindustrian. Kejayaan jangka masa panjang bagi jenama Semperit adalah berdasarkan pengetahuan dan kecekapan, terutamanya dalam bidang pemrosesan getah dan plastik, begitu juga kepercayaan yang diberikan oleh rakan kongsi kami setiap hari. Kami sentiasa menambahbaik prestasi kami untuk menjadi kekal terkini dan menawarkan kualiti dan kebolehpercayaan kepada pelanggan kami sepertimana yang mereka biasa terima.

Kami menyediakan produk, barangan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan, undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta meningkatkan kepuasan pelanggan. Kejayaan ini bergantung pada kemampuan kami untuk terus menambahbaik aktiviti kualiti, proses dan produk kami disamping melindungi individu dan alam sekitar. Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar, Tenaga dan Kualiti (HSEQ) adalah bahagian penting dalam perniagaan kami. Kami berharap supaya kontraktor, pembekal dan rakan kongsi perniagaan kami yang lain menerima prinsip yang digariskan dalam polisi ini dan sistem pengurusan kami. Polisi ini mencerminkan nilai dan piawaian korporat kami serta sentiasa disemak secara berkala.

Prinsip-prinsip kami

- Kami mematuhi keperluan undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan di setiap negara di mana perniagaan kami dijalankan, dan kami komited untuk memastikan rundingan dan penglibatan pekerja kami serta wakil mereka tentang urusan OH&S.
- Semua pekerja perlu bekerja dengan proaktif dan melibatkan diri dalam penambahbaikan berterusan. Cadangan untuk penambahbaikan diperiksa untuk keberkesanan dan diiktiraf oleh pelaksanaan yang pantas, jika berkaitan.
- Kami memahami pemikiran HSEQ sebagai asas untuk menentukan matlamat, objektif dan program kami untuk mencapai penambahbaikan yang berterusan pada semua tahap. Bagi mencapai matlamat, kami menambah baik kecekapan dan kesedaran semua pekerja kami secara sistematik melalui latihan, maklumat dan arahan yang sesuai serta melalui pelaksanaan piawaian global yang bersesuaian dan menyediakan sumber yang sepadan.
- Kami memastikan bahawa semua pekerja menyedari peranan dan tanggungjawab mereka untuk memenuhi dan mengekalkan Sistem Pengurusan Gabungan Semperit kami.
- Kami merancang, memberi respon dan pulih dari sebarang kecemasan, krisis dan gangguan perniagaan. Sebarang keprihatinan mengenai HSEQ akan diperiksa dan diberi respon dengan mengambil tindakan bersesuaian.

Kesihatan & Keselamatan

- Bagi mencapai visi kami iaitu "Kemalangan Sifar", kami menggariskan bahawa tiada tugas yang lebih penting sehingga ia dilakukan pada risiko keselamatan dan kesihatan.
- Kami merancang, menguruskan, dan mengendalikan fasiliti kami untuk memaksimumkan keselamatan dan mengenal pasti, menghapuskan dan mencegah bahaya serta mengurangkan risiko kepada tahap terendah untuk melindungi pekerja, pelanggan, pelawat, pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan kami yang lain daripada kemalangan dan penyakit berkaitan kerja.
- Kami berusaha untuk mengelakkan dan menggantikan bahan kimia serta bahan berbahaya yang digunakan dalam produk dan proses kami untuk meminimumkan kesan ke atas kesihatan dan keselamatan.
- Kami menumpukan pada kesihatan pekerja kami dengan menambahbaik keadaan bekerja, program promosi kesihatan dan perkhidmatan perubatan.
- Kami memberi sebarang jenis kelengkapan perlindungan diri yang diperlukan kepada pekerja kami.

Alam Sekitar & Tenaga

- Kami menghasilkan proses, produk dan perkhidmatan yang memberikan sumbangan besar kepada perlindungan alam sekitar yang berterusan - terutamanya dalam pengurangan perubahan iklim - ke atas kitaran hidup produk yang lengkap.
- Kami menggunakan sumber dengan cekap dan mencegah pencemaran seperti aliran keluar ke tanah, udara, air dan bahan buangan. Kami sedaya upaya menggunakan semula bahan secara dalaman dan menggalakkan penggunaan bahan kitar semula.
- Kami mempertimbangkan keberkesanan tenaga dan pengurangan pengeluaran CO₂, penggunaan air dan bahan buangan sebagai aspek yang penting dalam prestasi berterusan kami.
- Kami menjaga pengendalian yang selamat dan penyimpanan bahan kimia dan bahan berbahaya.

Kualiti

- Kami memahami kualiti sebagai aspek yang penting dalam kerja kami dan sentiasa berusaha untuk memperluaskan konsep kualiti kepada proses dan perkhidmatan.
- Kami menghasilkan produk berdasarkan "Pemikiran Kerosakan Sifar" dalam cara yang paling menjimatkan dan selari dengan keperluan pelanggan serta produk kami.
- Kami adalah rakan kongsi yang sangat boleh dipercayai terhadap pembekal dan pelanggan kami buat jangka masa yang panjang berkaitan kualiti produk, perkembangan teknologi, dan keberkesanan kos.
- Kami meminta maklum balas daripada pelanggan kami untuk mengenal pasti potensi penambahbaikan.
- Kami melaksanakan langkah-langkah untuk mengekalkan keselamatan produk dalam semua proses yang merangkumi rekaan produk sehingga pengeluaran, jualan dan perkhidmatan selepas jualan.

Lembaga pengurusan dan semua pekerja komited sepenuhnya terhadap polisi HSEQ ini dengan menekankan penambahbaikan yang menjamin daya saing dan kejayaan yang berterusan!

Dr Martin Füllenbach
CEO

Petra Preining
CFO

Kristian Brok
COO

SEMPERIT